

Tindakan kerajaan negeri berhubung isu sampah merugikan rakyat

SHAH ALAM 7 Sept. - Keputusan Kerajaan Negeri Selangor mengarahkan empat pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya tidak lagi menghantar sampah yang dikutip ke Pusat Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21, di sini hanya merugikan rakyat pada masa depan.

Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Shah Alam, Datuk Azhari Shaari berkata, tindakan kerajaan negeri mengarahkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menghantar terus sampah yang dikutip ke tapak pelupusan di Jeram, Kuala Selangor bukan sahaja tidak praktikal tetapi turut memberi kesan buruk kepada operasi kutipan sampah terutamanya di kawasan penempatan penduduk.

Malah, arahan sedemikian tegas beliau dikhuatiri akan menyebabkan wang rakyat dibazirkan bagi menampung kos kutipan sampah yang dijangka semakin meningkat.

"Kita sedia maklum bahawa Kementerian Kesejahteraan Ban-



Arahan terbaharu kerajaan negeri kepada PBT itu sudah tentunya akan menyulitkan lagi masalah sampah di Selangor disebabkan jarak tapak pelupusan tersebut yang jauh. Tindakan itu dijangka memberi kesan kepada kos pengangkutan serta kekerapan kutipan sampah oleh kontraktor."

AZHARI SHAARI
Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Shah Alam

dar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membelanjakan RM77 juta untuk membina Pusat Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21 termasuk tambahan RM2 juta untuk menaik taraf kemudahan itu bagi memastikan sistem kutipan sampah yang le-

bih efisien.

"Namun, arahan terbaharu kerajaan negeri kepada PBT itu sudah tentunya akan menyulitkan lagi masalah sampah di Selangor disebabkan jarak tapak pelupusan tersebut yang jauh. Tindakan itu dijangka memberi kesan kepada kos pengangkutan serta kekerapan kutipan sampah oleh kontraktor," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengadakan tinjauan ke Pusat Pemindahan Sisa Pepejal itu di sini.

Dalam pada itu, Azhari turut membidas kerajaan negeri yang cuba mempolitikkan keputusan kementerian berkenaan tidak menyambung kontrak pengurusan pusat pemindahan sisa pepejal itu kepada Worldwide Holdings Berhad (WHB) dengan mengeluarkan arahan tersebut kepada keempat-empat PBT berkenaan.

"Saya difahamkan justifikasi kementerian tidak menyambung kontrak WHB itu kerana pengurusan tidak memuaskan selain terdapat kerosakan dan kehilangan kemudahan termasuk komponen treler," katanya.



AZHARI SHAARI (dua dari kanan) mendengar taklimat daripada Pengurus Besar Bumi Segar Indah Sdn. Bhd., Soon Kam Heng (kiri), wakil operator pengendali sampah berhubung stesen pemindahan sisa pepejal Seksyen 21, Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS